

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang Akademik 1990/91**

Jun 1991

IOK 206/3 - Mesin Elektrik

Masa: [3jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** mukasurat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **5(LIMA)** soalan. Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

Semua soalan mengandungi nilai yang sama.

1. Merujuk kepada sebuah transformer, terangkan apa yang dimaksudkan dengan sebutan voltage regulation.

Sebuah transformer 1- ϕ , 10 kVA, 2000/400 V mempunyai parameter-parameter seperti berikut :-

Lilitan primary

$$R_1 = 5.5\Omega, X_1 = 12\Omega$$

Lilitan secondary

$$R_2 = 0.2\Omega, X_2 = 0.45\Omega$$

Tentukan nilai voltan secondary pada penuh beban (full load secondary voltage) faktor kuasa 0.8 menyusul, semasa voltan primary bernilai 2000 V. Apakah niali voltage regulation pada beban ini?

[100 markah]

2. Dengan ringkas terangkan kaedah mengendalikan ujian litar terbuka dan ujian litar pintas untuk sesebuah transformer fasa tunggal. Apakah kesimpulan yang boleh diperolehi dari ujian-ujian tersebut? Terbitkan syarat-syarat yang akan menjamin sesebuah transformer akan mencapai kecekapan maksimum pada beban tertentu.

Sebuah transformer 1- ϕ , 40kVA mempunyai kerugian besi 450W dan kerugian tembaga penuh beban 800W. Jika faktor kuasa beban ialah 0.8, kira :-

- a) kecekapan pada penuh beban
- b) kecekapan maksimum, dan
- c) beban di mana kecekapan maksimum berlaku.

[100 markah]

3. (a) Huraikan dengan jelas satu kaedah mengawal kelajuan motor a.t. menggunakan thyristor. Bandingkan kaedah ini dengan kaedah sistem Ward-Leonard dan nyatakan kelebihan masing-masing.

(b) Sebuah motor siri a.t. disambung kepada bekalan 440V. Ia mengambil arus 50A dan kelajuannya ialah 600 rpm. Satu perintang R_x disambung bersiri dengan motor ini mengurangkan kelajuannya ke 400 rpm sementara torque bersih berkurangan sebanyak 50%. Rintangan motor ialah 0.2Ω . Cari nilai R_x . Anggap fluks berkadar terus dengan arus medan.

[100 markah]

4. (a) Huraikan dengan jelas tentang armature reaction dan commutation dalam sebuah mesin a.t. Bagaimanakah kesan-kesan ini dapat di atasi.
- (b) Sebuah penjana a.t. (dc generator) disambung kepada sebuah bateri 220V. Arus yang disalorkan daripada penjana ke bateri bernilai 100A. Rintangan armature $R_a = 0.1 \Omega$. Penjana tersebut diputarkan pada kelajuan 400 rpm. Kira :
- (i) dge terjana
 - (ii) torque
 - (iii) kuasa input (kuasa mekanikal) ke dalam armature dengan mengabaikan kerugian besi, geseran dan putaran (windage loss)
 - (iv) kuasa input dan output di armature apabila kelajuannya menurun kepada 350 rpm. Sebutkan sama ada mesin ini bertindak sebagai penjana atau motor. Anggap fluks dalam sistem ini tidak berubah.

[100 markah]

5. Sebutkan tujuan mengendalikan ujian tanpa beban (no load test) dan ujian rotor terkunci (blocked rotor test) ke atas sebuah induction motor 3-Ø

Sebuah induction motor 3-Ø , 60 Hz, 4 kutub, 220V, 7.5 hp diuji dan keputusannya ialah :-

Ujian Tanpa Beban (No Load Test)

$$V = 220V, \quad P = 320W, \quad I = 6.4A$$

Ujian Rotor Terkunci (Blocked Rotor Test)

$$V = 46V, \quad P = 605W, \quad I = 18A$$

Rintangan a.u. di antara terminal-terminal stator ialah 0.64Ω dan slip pada penuh beban ialah 4%. Tentukan :-

- (a) Litar setara berdasarkan setiap fasa
- (b) Arus input dan faktor kuasa ketika membekalkan beban penuh
- (c) Kecekapan dan kelajuan motor dalam bahagian (b)

[100 markah]

6. (a) Mengapakah induction motor yang kecil bebannya mempunyai faktor kuasa yang rendah? Tunjukkan dengan jelas bagaimana sebuah induction motor 3- ϕ menghasilkan torque. Bagaimanakah nilai rinangan rotor mempengaruhi torque motor ini? Apakah syarat-syarat untuk mencapai troque maksimum sewaktu motor ini mula-mula dihidupkan.
- (b) Sebuah induction motor 3- ϕ , 8 kutub, 60 Hz mencapai kelajuan 860 rpm pada beban penuh. Tentukan :-
- (i) kelajuan synchronous
 - (ii) frekuensi arus rotor
 - (iii) kelajuan rotor berbanding dengan kelajuan medan berputar

[100 markah]

oooooooooooo